

From: UUM - Jabatan Enterprise dan Penjanaan Sumber Kewangan
Sent: Thursday, 1 February, 2018 3:38 PM
To: UUM - All Staff
Subject: UUM & CELCOM AXIATA BERHAD INTAI PELUANG KERJASAMA STRATEGIK



01 FEBRUARI 2018 / 15 JAMADILAWAL 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

YBhg.Dato'/Datuk/Datin/YBrs.Prof/Tuan/Puan



UUM & CELCOM AXIATA BERHAD INTAI PELUANG KERJASAMA STRATEGIK

UUMEnterprise Online: Jabatan Enterprise dan Penjanaan Sumber Kewangan, Universiti Utara Malaysia (UUM), telah menerima kunjungan daripada pihak Celcom Axiata Berhad. Perjumpaan ini adalah untuk menerokai peluang kerjasama.

Perjumpaan telah diadakan di Bilik Mesyuarat Sri Delima, Bangunan Canselori yang telah dipengerusikan oleh Pengarah Kanan (Penolong Naib Canselor) Jabatan Enterprise dan Penjanaaan Sumber Kewangan, Prof. Dr.Mohd Amy Azhar Hj. Mohd Harif. Manakala, pihak Celcom Axiata Berhad telah diwakili oleh *Director Gov-Corporate Responsibility*, En. Syaiful Bahrin Abd Ghaffar, *Head Of Government Liaison*, En. Areehan Hj. Abdullah, dan *Area Sales Manager*, En. Yushaini Yusuf.

Peluang kerjasama dua hala yang direncanakan akan memberi manfaat kepada semua warga kampus (pelajar, pensyarah dan pemegang taruh (*stakeholder*) yang lain) untuk jangka masa pendek dan panjang, selain dapat menjana pendapatan kepada universiti. Turut hadir dalam perbincangan tersebut Bendahari UUM, Penolong Bendahari, Pegawai Kewangan, dan Pegawai Tadbir Jabatan Enterprise dan Penjanaaan Sumber Kewangan.

=====

JABATAN ENTERPRISE DAN PENJANAAN SUMBER KEWANGAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
Tel: +604-9283901/3902
E-mel: uument@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.